

19 AUG 2002

Myanmar-Demokrasi/I

MYANMAR SEDANG SEDIAKAN ASAS UNTUK DEMOKRASI

Oleh: Rohana Mustaffa

YANGON, 19 Ogos (Bernama) -- Setiausaha 1 Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara (SPDC) Lt Jen Khin Nyunt hari ini berkata kerajaan negara itu sedang mengambil langkah perlu bagi membina asas ke arah demokrasi.

"Demokrasi yang kami mahukan mungkin tidak sama dengan yang ada di Barat tetapi pastinya ia berasaskan kepada prinsip-prinsip sejagat kebebasan, keadilan dan kesaksamaan dan kedaulatan undang-undang," katanya.

Dalam ucapan aluan pada persidangan Teknologi Myanmar-Malaysia di sini, beliau menegaskan bahawa masyarakat demokratik yang dikehendaki oleh kerajaan adalah memastikan semua 135 kaum di negara itu hidup dalam aman dan harmoni, berganding bahu membangunkan negara yang makmur dan moden.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melakukan lawatan ke negara itu, merasmikan persidangan tiga hari terbabit.

Khin Nyunt bagaimanapun berkata peralihan itu tidak dapat dilakukan serta-merta kerana dunia memaparkan contoh lengkap bagaimana peralihan dari satu sistem kepada sistem lain yang dilakukan secara terburu-buru telah mencetuskan huru-hara, ketidakstabilan, malah gagal.

Oleh itu, beliau berkata kerajaan Myanmar menerusi kepimpinan Pengerusi SPDC Jeneral Kanan Than Shwe sedang menyiapkan asas politik, ekonomi, sosial dan sumber manusia yang perlu bagi memastikan peralihan sistem yang lancar dan stabil ke arah demokrasi.

Beliau berkata lebih 40 tahun lepas, Myanmar diselubungi pemberontakan dalaman tetapi hasil usaha kerajaan, 17 daripada 18 kumpulan bersenjata di negara terbabit pulang ke pangkuan masyarakat dan keamanan dan kestabilan dinikmati semula oleh negara itu.

Khin Nyunt bangga kerana Yangon kini merupakan salah satu bandar raya paling selamat di dunia dan ia boleh disaksikan sendiri oleh peserta yang menghadiri persidangan terbabit, katanya.

Beliau menegaskan bahawa melalui keamanan, kerajaan dapat menumpukan perhatian kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi.

"Beberapa negara Barat telah mengenakan sekatan terhadap Myanmar untuk kepentingan politik mereka dan Myanmar secara pratikalnya tidak menerima bantuan pembangunan daripada sumber-sumber dua hala atau institusi pelbagai hala," katanya.

Lt. Jeneral itu berkata berasaskan sumber-sumber sendiri dan digabungkan dengan kekuatan kerajaan, rakyat dan Tamadaw (angkatan tentera), Myanmar berjaya mencatatkan kemajuan penting dalam pembangunan negara.

Menurutnya tanpa bantuan pembangunan asing serta halangan sekatan Barat, Myanmar bergantung kepada sumber dan tenaga manusianya sendiri untuk membangunkan negara itu.

Beliau memetik kata-kata Dr Mahathir bahawa: "Tangan yang dapat kita bergantung hanyalah pada hujung lengan kita".

Myanmar berjaya mencatatkan purata pertumbuhan ekonomi tahunan sebanyak 8.4 peratus pada 1996-97 kepada 2000-2001 Pelan Lima Tahun.

"Kami mencatatkan lebih 10 peratus pada tahun fiskal yang lepas dan menjangkakan pencapaian yang sama baik tahun ini," katanya.

Khin Nyunt turut menyebut beberapa projek pembangunan yang telah berjaya dibangunkan oleh kerajaan Myanmar seperti pembinaan lebih daripada 4,200 batu jalan raya, 1,100 batu landasan kereta api dan hampir 150 buah jambatan, pembinaan lebih banyak universiti dan kolej serta pembangunan teknologi komunikasi dan maklumat menerusi Taman ICT Myanmar sejak 12 tahun

lepas.

Beliau berkata Myanmar juga memberi perhatian khusus kepada persidangan dan bahawa persidangan itu dihadiri lebih daripada 500 ahli perniagaan, ia membuka peluang untuk menjalin perkongsian perniagaan.

Beliau juga berkata Myanmar juga menawarkan potensi besar dalam perdagangan dan pelaburan dan menjadi harapan kerajaan supaya persidangan itu akan membuka pintu kepada perkongsian pintar bagi perniagaan yang baik dan kerjasama teknologi antara Myanmar dan Malaysia.

-- BERNAMA

RON ZS LAT